

11/09/2003

Universiti teknikal ditangguh

KUALA LUMPUR: Cadangan bagi mewujudkan sebuah universiti teknikal di bawah kerjasama kerajaan Malaysia dan Jepun ditangguhkan sehingga tahun depan.

Menteri Pendidikan, Tan Sri Musa Mohamad, berkata kedua-dua pihak memperhalusi butiran berkaitan universiti itu yang akan ditempatkan di Malaysia.

"Memandangkan kita masih berbincang, projek itu mungkin ditangguhkan sehingga Jun tahun depan berbanding cadangan awal untuk memulakan pengambilan pelajar Oktober ini.

"Saya rasa penangguhan itu perlu kerana kami mahu memastikan pendidikan yang ditawarkan itu berkualiti," katanya selepas mesyuarat mingguan kementeriannya di sini semalam.

"Kami pada peringkat akhir perbincangan dan hanya berbincang mengenai butiran terutama bagaimana Jepun boleh menyumbang kepakarannya," kata Musa.

Cadangan menubuhkan universiti teknikal dikemukakan ketika lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ke Jepun pada Disember lalu sempena sambutan ulang tahun ke-20 pelancaran Dasar Pandang ke Timur oleh Malaysia.